

Abdullah minta bincang soal SJKC Damansara

KUALA LUMPUR 7 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein membincangkan permintaan masyarakat Cina supaya dibuka semula Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Damansara yang dipindahkan pada 2002.

Perdana Menteri berkata, perkara itu akan dibincangkan dengan Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

“Perkara itu telah dibangkitkan semasa pertemuan saya dengan pemimpin-pemimpin masyarakat Cina yang meminta kerajaan untuk mempertimbangkan mengenai perkara tersebut.

“Saya juga mengetahui sejarah sebab-sebab SJKC Damansara (sekolah asal) dipindahkan ke kawasan baru kerana permohonan majoriti ibu bapa para pelajar di kawasan tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Gerakan di Dewan Wawasan, Menara PGRM di sini hari ini.

SJKC Damansara ditutup secara rasmi pada 26 Januari 2001 dan kesemua 1,400 pelajarnya dipindahkan sementara ke premis SJKC Puay Chai 2, Bandar Utama sebagaimana kehendak majoriti ibu bapa murid.

Sebanyak 1,400 murid sekolah tersebut kemudian berpindah ke SJKC Damansara (Baru) di Tropicana yang siap sepenuhnya pada 2002.

Abdullah memberitahu, beliau memahami kawasan itu memerlukan sebuah lagi SJKC memandangkan jumlah pelajar telah meningkat.

“Saya menyerahkan kepada Menteri Pelajaran untuk membuat keputusan selepas mengadakan rundingan dengan Ka Ting dan Tsu Koon,” katanya.

Mengulas permohonan pemimpin Cina memberi taraf kolej universiti kepada Kolej Era di Kajang, Selangor dan Kolej Southern di Skudai, Johor, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak berhasrat memberikannya kepada kedua-dua kolej terbabit.

Kata beliau, kedua-dua kolej itu boleh mengadakan hubungan kerjasama dengan mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) lain.

“Kementerian Pengajian Tinggi akan menentukan bagaimana kerjasama dengan IPTS lain boleh dilaksanakan oleh kedua-dua kolej tersebut,” katanya.

KUALA LUMPUR 7 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein membincangkan permintaan masyarakat Cina supaya dibuka semula Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Damansara yang dipindahkan pada 2002.

Perdana Menteri berkata, perkara itu akan dibincangkan dengan Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

“Perkara itu telah dibangkitkan semasa pertemuan saya dengan pemimpin-pemimpin masyarakat Cina yang meminta kerajaan untuk mempertimbangkan mengenai perkara tersebut.

“Saya juga mengetahui sejarah sebab-sebab SJKC Damansara (sekolah asal) dipindahkan ke kawasan baru kerana permohonan majoriti ibu bapa para pelajar di kawasan tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Gerakan di Dewan Wawasan, Menara PGRM di sini hari ini.

SJKC Damansara ditutup secara rasmi pada 26 Januari 2001 dan kesemua 1,400 pelajarnya dipindahkan sementara ke premis SJKC Puay Chai 2, Bandar Utama sebagaimana kehendak majoriti ibu bapa murid.

Sebanyak 1,400 murid sekolah tersebut kemudian berpindah ke SJKC Damansara (Baru) di Tropicana yang siap sepenuhnya pada 2002.

Abdullah memberitahu, beliau memahami kawasan itu memerlukan sebuah lagi SJKC memandangkan jumlah pelajar telah meningkat.

“Saya menyerahkan kepada Menteri Pelajaran untuk membuat keputusan selepas mengadakan rundingan dengan Ka Ting dan Tsu Koon,” katanya.

Mengulas permohonan pemimpin Cina memberi taraf kolej universiti kepada Kolej Era di Kajang, Selangor dan Kolej Southern di Skudai, Johor, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak berhasrat memberikannya kepada kedua-dua kolej terbabit.

Kata beliau, kedua-dua kolej itu boleh mengadakan hubungan kerjasama dengan mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) lain.

“Kementerian Pengajian Tinggi akan menentukan bagaimana kerjasama dengan IPTS lain boleh dilaksanakan oleh kedua-dua kolej tersebut,” katanya.